

## PROMOSI TAHUN BAHARU CINA DEPOSIT TETAP DALAM TALIAN / DEPOSIT TETAP-i DALAM TALIAN

### TEMPOH PROMOSI

1. “Promosi Tahun Baharu Cina Deposit Tetap Dalam Talian / Deposit Tetap-i Dalam Talian” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) / Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) bermula pada 01 Februari 2018 dan berakhir pada 28 Februari 2018, termasuk kedua-dua tarikh, atau apabila jumlah saiz dana mencapai RM888,000,000.00, mengikut mana yang dahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### Terma & Syarat

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:-

### KELAYAKAN

2. Promosi terbuka kepada individu yang merupakan pemegang akaun utama bagi akaun Semasa atau Simpanan HLB / Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB (“CASA / CASA-i”) dan yang telah mendaftar diri untuk Hong Leong Connect sebelum atau semasa Tempoh Promosi (“Pelanggan”). Bagi mengelakkan keraguan, pemegang CASA / CASA-i bersama TIDAK layak membuka atau mengendalikan Akaun Deposit Tetap Dalam Talian / Deposit Tetap-i Dalam Talian (“eFD / eFD-i”) dan TIDAK layak menyertai Promosi ini.
3. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB / HLISB atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai atau akan serta-merta dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
4. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB / HLISB berpotensi melakukan sebarang perbuatan salah yang dinyatakan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.

### KAEDAH PROMOSI

5. Bagi tujuan Promosi ini, semua peletakan deposit mestilah daripada bank lain (kecuali HLB / HLISB) melalui Financial Process Exchanges (“FPX”). FPX adalah suatu cara pembayaran dalam talian yang selamat dan masa nyata yang memudahkan pindahan dana antara bank. FPX tidak dimiliki oleh HLB / HLISB. FPX dipermudahkan oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation (“MyClear”), sebuah subisidiari Bank Negara Malaysia. Butiran lanjut boleh disemak di <http://www.myclear.org.my/personal-fpx.html>
6. Pelanggan yang membuat peletakan deposit melalui Perbankan Internet Hong Leong Connect antara Amaun Peletakan eFD / eFD-i Minimum sehingga Amaun Peletakan eFD / eFD-i Maksimum (“Amaun eFD / eFD-i”) seperti ditetapkan ke dalam eFD / eFD-i baharu atau sedia ada masing-masing bagi Tempoh berkenaan yang ditetapkan di bawah ini semasa Tempoh Promosi adalah berhak menikmati Kadar eFD / eFD-i Promosi sepadan (“Pelanggan Layak”) berikut:

Tempoh Promosi	Tempoh eFD / eFD-i	Kadar eFD / eFD-i Promosi	Kadar eFD / eFD-i Efektif	Amaun Peletakan eFD / eFD-i Minimum	Amaun Peletakan eFD / eFD-i Maksimum
01 - 28 Feb 2018	3 bulan	4.18% setahun	4.18% setahun	RM800	RM2,000,000
	8 bulan	4.28% setahun	4.28% setahun		
	18 bulan	4.38% setahun	4.38% setahun		

7. Amaun deposit maksimum setiap transaksi melalui FPX ialah **Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000)** atau tertakluk kepada amaun maksimum / had pindahan ditetapkan dalam perbankan internet individu Pelanggan yang diselenggarakan dengan bank berkenaan, mengikut mana yang lebih rendah.

8. Pemprosesan peletakan eFD / eFD-i mungkin mengambil masa sehingga 2 hari kerja dan dengan itu, tarikh efektif peletakan eFD / eFD-i hendaklah bermula selepas prosesnya berjaya disempurnakan dan HLB / HLISB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan (jika ada).
9. Kadar eFD / eFD-i Promosi dapat dinikmati Pelanggan Layak bagi peletakan yang dibuat menerusi Perbankan Internet Hong Leong Connect antara 6.00 pagi dengan 11.59 malam, tujuh (7) hari seminggu, atau dalam waktu yang ditetapkan oleh HLB / HLISB di Hong Leong Connect atas dasar siapa cepat dia dapat.
10. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan CASA / CASA-i yang diselenggarakan dengan HLB / HLISB di bawah nama individu Pelanggan Layak (“CASA / CASA-i” Namaan) bagi tujuan mengkreditkan faedah / untung yang diperolehi di bawah Promosi ini. Faedah / untung yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA / CASA-i Namaan Pelanggan Layak setiap 6 bulan dan / atau pada tarikh matang. Bagi tempoh 6 bulan atau kurang, faedah dibayar pada tarikh matang.
11. Pada tarikh matang, Amaun eFD / eFD-i pokok akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa eFD / eFD-i masing-masing.
12. Sekiranya Amaun eFD ditarik keluar sebelum tarikh matang Tempoh eFD, maka Seksyen E(v) peraturan Persatuan Bank-bank dalam Malaysia (“ABM”) akan diguna pakai:
  - (a) Tiada faedah akan dibayar bagi mana-mana Amaun eFD yang ditarik keluar sebelum genap tiga (3) bulan.
  - (b) Sekiranya eFD ditarik keluar dalam bulan keempat (ke-4) ke atas, maka Pelanggan Layak akan menerima faedah yang diperolehi setara dengan 50% daripada Amaun eFD yang ditetapkan sahaja bagi bulan-bulan genap.

HLB berhak menolak balik dan memotong amaun setara dengan faedah yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi Amaun eFD yang ditarik keluar pramatang, daripada Amaun eFD pokok pada masa dikeluarkan.

13. Pelanggan HLISB dianggap telah bersetuju mengetepikan haknya untuk menuntut Harga Jualan penuh bagi sebarang pengeluaran eFD-i sebelum tarikh matang. Sekiranya Amaun eFD-i ditarik keluar sebelum tarikh matang Tempoh eFD-i, maka peraturan pengeluaran pramatang berikut akan diguna pakai:
  - (c) Tiada keuntungan akan dibayar bagi mana-mana Amaun eFD-i yang ditarik keluar sebelum genap tiga (3) bulan.
  - (d) Sekiranya eFD-i ditarik keluar dalam bulan keempat (ke-4) ke atas, maka Pelanggan Layak akan menerima 50% daripada keuntungan Amaun eFD-i yang ditetapkan bagi bulan-bulan genap atas Amaun eFD-i pokok sahaja.

HLISB berhak menolak balik dan memotong amaun setara dengan keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi Amaun eFD-i yang dikeluarkan pramatang pada masa dikeluarkan.

14. Pengeluaran sebahagian Amaun eFD / eFD-i tidak dibenarkan.
15. Amaun eFD / eFD-i TIDAK boleh digunakan sebagai sandaran bagi tujuan mencagarkan mana-mana kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak.

## **UMUM**

16. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan bersetuju :
  - (a) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat di dalam ini;
  - (b) keputusan HLB / HLISB atas semua hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan dan sebarang surat-menyerat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB / HLISB tidak akan dilayani;
  - (c) mengakses laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (“Laman Web HLB”) / Laman Web HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (“Laman Web HLISB”) dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa pindaan atau perubahan kepada Terma & Syarat;
  - (d) bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.

17. HLB / HLISB berhak:
  - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau memindah Terma & Syarat terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atas budi bicara HLB / HLISB, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB / HLISB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB / HLISB, pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
  - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLB / HLISB atas budi bicara mutlaknya daripada menyertai Promosi tanpa memberi apa jua sebabnya.
18. Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Akaun e-Deposit/-i Hong Leong, dan Terma dan Syarat Deposit Tetap/-i Hong Leong hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
19. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka Terma & Syarat muktamad dalam Laman Web HLB / HLISB akan diutamakan.
20. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
21. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Deposit Tetap / Deposit Tetap-i layak dilindungi oleh PIDM.**